



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

1. (a) Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) Gred N1  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan,  
(b) Kementerian / Jabatan : Kementerian Kesihatan Malaysia  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
2. Bilangan Kekosongan Jawatan : 1 jawatan
3. Gaji Yang Ditawarkan : Gaji : RM 2,265.00  
\*Termasuk Caruman KWSP dan Caruman Perkeso
4. Syarat Lantikan : (a) Warganegara Malaysia;  
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan  
(d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau;  
(e) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau;  
(f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau;  
(g) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
5. Taraf Jawatan : **Contract for Service (CFS)**
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) Gred N1 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.



7. **Fungsi Bidang Tugas** :
- i. Menjadi urusetia bagi mengurus dan menyelaras perjalanan rasmi dengan mengiringi Ketua Eksekutif/Pengarah Bahagian MDA semasa lawatan rasmi atau program luar apabila diperlukan;
  - ii. Menjadi penghubung rasmi antara Ketua Eksekutif/Pengarah Bahagian MDA dengan pegawai dalam jabatan, kementerian, agensi kerajaan, pihak syarikat peranti perubatan dan pihak berkaitan;
  - iii. Sebagai Pelapor kepada Ketua Eksekutif/Pengarah Bahagian MDA dengan menyediakan laporan atau ringkasan minit bagi perkara yang diarahkan sekiranya memerlukan tindakan Pengurusan Tertinggi MDA.


8. **Cara Memohon** :
- Pemohon hendaklah menghantar salinan dokumen – dokumen berikut:
- a) Resume bergambar;
  - b) Kad Pengenalan;
  - c) Sijil Kelahiran;
  - d) Sijil Tamat Persekolahan;
  - e) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
  - f) Lain-lain dokumen sokongan.

E-mel kepada: [jobvacancy@mda.gov.my](mailto:jobvacancy@mda.gov.my)

Tajuk e-mel: Permohonan N1 - CFS

- (i) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- (ii) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak lengkap akan ditolak.
- (iii) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

9. **Tarikh Tutup Permohonan** : 10 November 2025 (Isnin) jam 3.00 petang

  
**NURUL AINI BINTI SURIP**  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Tarikh: 23 Oktober 2025

